

21/08/1997

Defisit akaun semasa mungkin lebih RM14.8b

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, defisit akaun semasa Malaysia bagi tahun ini mungkin melebihi RM14.8 bilion yang diramalkan kerajaan jika ringgit terus lemah.

"Ia satu kemungkinan kerana mereka (spekulator) terus menerus memaksa ringgit terus jatuh dan sekarang kos import lebih tinggi," kata Perdana Menteri ketika ditanya mengenai ramalan terbaru beberapa ahli ekonomi Malaysia yang desifit akaun semasa mungkin mencecah paras antara RM25 bilion dan RM27 bilion.

Jabatan Perangkaan hari ini melaporkan akaun semasa mencatatkan defisit RM1.8 bilion bagi suku pertama tahun ini, kedudukan yang lebih baik berbanding defisit RM4.5 bilion bagi suku keempat tahun lepas dan RM3.2 bilion bagi tempoh yang sama tahun lepas.

"Tetapi kita perlu meneliti apa yang mungkin berlaku pada akhir tahun ini," katanya selepas melancarkan buku bertajuk Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patriot, tulisan wartawan veteran Datuk Zainuddin Maidin, di sini hari ini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; balu Tun Abdul Razak, Tun Rahah Tan Sri Mohd Noah dan keluarga; menteri Kabinet, veteran Umno dan komponen Barisan Nasional serta bekas pegawai kanan kerajaan.

Dr Mahathir juga membidas media asing yang sengaja meramal dan membuat analisis negatif berhubung Malaysia kerana mahu melihat ekonomi negara ini runtuh.

Sambil menegaskan mereka tidak mempunyai kepentingan di negara ini, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak akan terikat dengan ramalan berkenaan, sebaliknya terus melakukan yang terbaik untuk negara ini dan rakyatnya.

Selain media, Dr Mahathir turut membidas kegiatan penyangak antarabangsa yang memiliki sejumlah wang untuk menggugat ekonomi negara miskin dan sedang membangun.

"Mereka boleh meramalkan apa saja yang mereka mahu tetapi kita akan terus lakukan yang terbaik untuk negara kami. Wartawan asing tidak ada kena mengena di negara ini. Mereka suka melihat negara ini lingkup.

"Kita akan membuat sedaya upaya tetapi kita tidak perlu beritahu semua orang bagaimana kita akan melakukannya," katanya sambil memberitahu pihak tertentu di luar negara terus berusaha menjatuhkan nilai ringgit sehingga kos import terus meningkat.

Kepada soalan wartawan asing yang bertanya mengapa Dr Mahathir menyalahkan orang luar berhubung kejatuhan ringgit, beliau menegaskan semua pihak tahu kerana contohnya, tokoh perniagaan Amerika Syarikat, George Soros adalah antara yang terbabit.

(END)